



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

**BERSHALAWAT KE ATAS
RASULULLAH SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM:
SATU TUNTUTAN
(BAHAGIAN AKHIR)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

b. Selepas takbir kedua di dalam sembahyang jenazah

Membaca *shalawat* selepas takbir kedua dalam sembahyang jenazah. Sekurang-kurang bacaan *shalawat* itu ialah:

Ertinya: “*Ya Allah, kurniakanlah shalawat kepada Nabi Muhammad.*”

Manakala mengucapkan *shalawat* ke atas kaum kerabat Baginda seperti bacaan dalam *tahiyyat akhir* adalah tidak wajib, akan tetapi disunatkan sahaja.

**c. Pada khutbah di dalam sembahyang Jumaat,
sembahyang Hari Raya 'Idilfitri dan 'Idiladhha**

Bershalawat ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam pula merupakan salah satu daripada rukun pada khutbah pertama dan kedua. Ia disebut selepas kalimat *hamdalah* iaitu lafaz pujian bagi Allah *Subhanahu wa Ta 'ala*.

II. Di Luar Sembahyang

Bershalawat di luar sembahyang pula bukanlah satu perkara yang diwajibkan, namun ia adalah digalakkan. Ia digalakkan pada bila-bila masa sahaja tanpa mengira waktu.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa waktu dan tempat di mana umat Islam diutamakan untuk bershalawat. Antaranya:

- a. Ketika seseorang menyebut nama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*
- b. Pada hari Jumaat dan pada malamnya
- c. Pada waktu Subuh
- d. Pada waktu petang
- e. Ketika hendak memasuki masjid
- f. Ketika hendak keluar dari masjid
- g. Ketika berada di makam Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*
- h. Ketika hendak berdoa
- i. Ketika selesai berdoa
- j. Di akhir khatam al-Qur'an
- k. Ketika dalam kesedihan dan kesusahan
- l. Ketika memohon keampunan
- m. Ketika menyampaikan ilmu kepada orang ramai
- n. Ketika memberi nasihat atau tunjuk ajar

- o. Ketika menyampaikan pelajaran
- p. Dalam perkumpulan orang ramai
- q. Ketika bersurai daripada perkumpulan
- r. Pada setiap tempat dan waktu di mana orang ramai berkumpul untuk mengingati Allah seperti majlis-majlis keagamaan dan yang seumpamanya.

Adab Menyebut Nama Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*

Menyebut nama Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* juga ada adabnya. Sudah menjadi kebiasaan para ulama *Salaf* jika menyebut atau mendengar nama Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*, mereka selalu *bershalawat* dan bersekali dengan ucapan salam kepada Baginda. Dua lafaz yang sering mereka ucapkan dalam *bershalawat* dan salam itu iaitu:

Ertinya: “*Semoga Allah memberikan shalawat dan salam kepada Baginda*”.

Atau

Ertinya: “*Ke atas Baginda shalawat dan salam*”.

Para ulama telah berwasiat kepada umat Islam agar selalu berusaha untuk menjaga lafaz (*shalawat* dan *salam*) tersebut secara sempurna. Berkata Imam An-Nawawi *Rahimahullah* di dalam kitab *Al-Azkar*:

. (()) (()) .

Ertinya: “*Jika seseorang bershalawat kepada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam, maka hendaklah dia mengumpulkan shalawat dan salam (kedua-duanya) sekali, dan janganlah dipisahkan antara keduanya. Maka tidak boleh dia berkata:)) ((atau (()) sahaja.*”

Begitu juga di dalam penulisan, umat Islam dituntut untuk menulis *shalawat* dan salam tersebut dengan sesempurna mungkin setiap kali menulis nama Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*.

Sungguh indah kehidupan seorang muslim yang menghiasi lidahnya dengan *shalawat* ke atas Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*. Ia jelas menunjukkan tanda ingatan dan kasih sayang terhadap Baginda *Shallallahu ‘alaihi wasallam*. Ingatan dan tanda kasih sayang ini pula dibalas oleh Baginda sendiri melalui ganjaran yang tidak terhingga, antaranya mendapat kedudukan yang istimewa dan syafa‘at Baginda di hari kiamat. Manakala di sisi Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* pula, curahan rahmat dan kebajikan diperolehi daripada Allah. Rugilah kita apabila peluang ini diabaikan begitu sahaja.